

EDISI 1 : JAN - FEB

2025

BULETIN

PUSAT SUKAN DAN
KEBUDAYAAN UNIVERSITI




Ketua Editor :

**NOOR FARHANAH BINTI
MOHAMAD AMIN**

Editor :

**MUHAMMAD NOOR SADDAM BIN
HUSSIN**



ISI KANDUNGAN

Majlis Perasmian Penutupan Karnival Sukan Staf UTHM 2024	3
Menyantuni Kunjungan YBhg. Prof. Ts. Dr. Abdul Rasid bin Abdul Razzaq, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)	3
Kejohanan Petanque Beregu Tertutup Johor 2025 Segamat	4
Pementasan Teater Batu Pahat Permata Daksina - Aku Seorang Pendidik	4-5
Latihan Altitud Tinggi Fraser's Hill 3.0 UTHMCC 2025	5-6
Netto 2025	6
Atlet Futsal Alumni UTHM Sertai Pasukan JDT Futsal	7
Kem Pra Musim Pasukan Futsal Armada UTHM	7
2025 World Rowing Indoor Championships	8
Kursus MyPortfolio Staf PSKU	8



MAJLIS PERASMIAN PENUTUPAN KARNIVAL SUKAN STAF UTHM 2024

UTHM | 2 JANUARI 2025 | Tahniah Pasukan Gemilang berjaya dinobatkan sebagai Juara Keseluruhan dengan kutipan pingat 20 emas, 8 perak, dan 16 gangsa.

Syabas juga diucapkan kepada semua pasukan yang telah memberikan semangat juang yang tinggi serta mempamerkan kesukaran yang luar biasa sepanjang karnival ini.

MENYANTUNI KUNJUNGAN YBHG. PROF. TS. DR. ABDUL RASID BIN ABDUL RAZZAQ, TIMBALAN NAIB CANSELOR (HAL EHWAL PELAJAR & ALUMNI)

UTHM | 25 JANUARI 2025 | Pusat Sukan dan Kebudayaan Universiti dengan penuh rasa hormat dan penghargaan menyambut kunjungan daripada YBhg. Prof. Ts. Dr. Abdul Rasid bin Abdul Razzaq, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) pada 24 Januari 2025.

Lawatan ini menjadi platform penting untuk memperkuatkan hubungan antara pihak pengurusan universiti dan Pusat Sukan dan Kebudayaan Universiti. YBhg. Prof. Ts. Dr. Abdul Rasid turut berkongsi pandangan yang bernalas serta cadangan untuk meningkatkan lagi kualiti kemudahan, program sukan, dan aktiviti kebudayaan yang ditawarkan kepada pelajar.

Terima kasih yang tidak terhingga kepada YBhg. Prof. atas komitmen dan sokongan beliau dalam memacu kecemerlangan pelajar, bukan sahaja dalam bidang akademik tetapi juga pembangunan sahsiah dan bakat.



KEJOHANAN PETANQUE BEREGU TERTUTUP JOHOR 2025 SEGAMAT

SEGAMAT | 25 JANUARI 2025 | Pasukan Petanque UTHM telah menyertai Kejohanan Petanque Beregu Tertutup Johor 2025 Segamat pada 25 Januari 2025 yang bertempat di Gelanggang Petanque Felda Redong 01. Berikut adalah senarai pemenang:

Naib Johan dan Best Mix

- Muhammad Bakhit Izzuddin Bin Rahmat (FPTV)
- Seri Amisha Binti Mohd Hashlindarinshah (JBS)

Best 16

- Muhammad Arif Bin Amran (FPTP)
- Muhammad Adib Ehsan Bin Kamal Arifin (FPTP)

Best 64

- Ahmad Syahir Zakwan Bin Umar (FPTP)
- Wan Muhammad Fahim Amin Bin Wan Azri (FKMP)
- Muhammad Iqbal Bin Maidin (FPTP)
- Siti Noorhafiza Nazwa Binti Norizan (FPTP)



Tahniah kepada semua pemain atas semangat dan usaha yang telah ditunjukkan. Semoga pencapaian ini menjadi inspirasi dan motivasi kepada semua atlet UTHM untuk terus berusaha gigih dan berjuang demi mengharumkan nama universiti kita di persada sukan.

PEMENTASAN TEATER BATU PAHAT PERMATA DAKSINA – AKU SEORANG PENDIDIK

BATU PAHAT | 13 – 15 Februari 2025 | Pusat Sukan dan Kebudayaan Universiti telah bekerjasama mementaskan Teater Batu Pahat Permata Daksina – Aku Seorang Pendidik telah berakhir dengan jayanya. Pementasan yang mendapat kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia, SMK Tun Ismail & Dengan kerjasama Adun Batu Pahat Johor telah berjaya menarik lebih seribu orang setiap hari, pementasan berlangsung selama tiga hari berturut turut.

Teater ini diarahkan oleh En Rosdi Bin Abdullah dan karya tulisan Puan Rohaidah Yon memulakan pementasan pada 13hb Feb 2025 (Pra-Tonton kepada Wartawan) dan 14 & 15 Feb 2025 adalah terbuka kepada masyarakat. Bertempat di Dewan Orang Ramai Parit Raja Batu Pahat Johor pementasan ini menampilkan artis terkenal iaitu Roslan Madun dan Haziq Rosibi (AF) sebagai artis undangan.



Yang Berbahagia Prof. Ts. Dr. Abdul Rasid bin Abdul Razzaq, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) dan Yang Berusaha Sr. Dr. Anuar bin Mohd Salleh, Pengarah Pusat Sukan Dan Kebudayaan Universiti hadir memberi sokongan. Pengarah Majlis Kebudayaan Negeri Johor, Pengarah Dewan Bahasa Dan Pustaka Selatan dan ramai lagi wakil-wakil pengarah dari Jabatan kerajaan turut hadir menyaksikan pementasan ini.

Waris Tokoh Pejuang Negara iaitu Waris Dato Bentara Luar dan Waris Penghulu Mean juga hadir menyaksikan teater tentang sejarah Batu Pahat dan Parit Sulong yang menceritakan tentang tokoh ini.

Berikut adalah keratan akhbar Utusan Malaysia 15hb Feb 2025 :

Perjalanan tokoh guru lakonan 80 pelajar ke pentas teater

BATU PAHAT – Lebih 2,000 peminat teater berpeluang menyaksikan perjalanan hidup seorang tokoh guru melalui pementasan teater bertajuk *Batu Pahat Permatas Daksina-Naratif Aku Seorang Pendidik* di Dewan Orang Ramai Parit Raja di sini selama dua malam berturut-turut bermula kelmarin.


Teater yang digarap daripada sejarah Batu Pahat dan Parit Sulong hasil tulisan skrip Rohaidah Yon dan arahan Rosdi Abdullah lakonan 80 pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Tun Ismail, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dan penggiat teater Batu Pahat.

Rosdi yang mengarap lebih 200 pementasan teater sejak 30 tahun lalu berkata, teater itu menceritakan tentang perjuangan dan pengorbanan hebat pemimpin terdahulu.

Katanya, teater yang berlangsung selama kira-kira 90 minit ini turut diserikan dengan persembahan dua orang artis jemputan iaitu Roslan Madun pada 14 Februari dan Haziq Rosibi (AF) pada malam 15 Februari bermula pukul 9 malam.

"Teater ini menceritakan sejarah hebat Batu Pahat dan Parit Sulong serta perjuangan hebat Dato Bentara Luar bagi sejarah Batu Pahat dan Parit Sulong pula Penghulu Mean.

"Pementasan teater ini mem-



SEBAHAGIAN babak dalam Teater Batu Pahat Permatas Daksina-Naratif Aku Seorang Pendidik yang ditayangkan di Dewan Orang Ramai Parit Raja, Batu Pahat malam kelmarin.

punyai pelbagai elemen seperti nyanyian, lakonan, tarian, syair, puisi, gurindam, surat kapal dan penglipur lara yang pasti akan menggigit rasa semangat kecintaan pada negara dalam diri penonton khususnya anak muda," katanya kepada pemimpin.

Rosdi berkata demikian ketika pratonton pementasan teater itu di Dewan Orang Ramai Parit Raja, Batu Pahat malam kelmarin.

Jelasnya, sambutan mengga-

lakkan penduduk Batu Pahat dapat memberikan inspirasi kepada pihaknya untuk memperbaikkan lagi persembahan teater seperti ini yang secara tidak langsung memberikan pengalaman berharga kepada pelakon-pelakon tentang lakonan teater.

"Sambutan orang ramai ini juga membuktikan bahawa masyarakat di Batu Pahat da-hagakan hiburan berbentuk teater yang jarang diadakan di daerah ini," katanya.

Latihan Altitud Tinggi Fraser's Hill 3.0 UTHMCC 2025

PAHANG | 15 Februari 2025 | Program ni bertujuan untuk meningkatkan tahap kecerdasan atlit-atlit pelajar dan staf bagi persediaan menyertai kejohanan yang berlangsung sepanjang tahun 2025 serta pencarian bakat-bakat baru bagi melengkap pasukan berbasikal staf & pelajar.

Seramai 90 orang peserta kayuhan telah terlibat menjayakan program ini termasuk 15 orang peserta dari Majlis Perbandaran Batu Pahat (MPBP) yg diketuai oleh YBrs. YDP Encik Ezahar bin Abu Sairin merangkap Pengerusi Majlis Berbasikal MAKSAK Johor.

Manakala para pacer dan sweeper yang terlibat seramai 19 peserta dari kelab berbasikal Batu Pahat (Sepeda), kelab basikal Parit Raja (Parit Kings) dan seramai 7 petugas kenderaan dari UTHM serta 3 orang pegawai dari Bahagian Keselamatan dikenai oleh KP Azwan dan dibantu oleh 5 petugas sweeper dari pihak MPBP. Turut terlibat sama seorang penolong pegawai perubatan dari Pusat Kesihatan Universiti (PKU) UTHM.



Jutaan terima kasih kepada pihak Pusat Sukan & Kebudayaan Universiti (PSKU) UTHM yang diketuai oleh SR Dr. Anuar bin Mohd Salleh yang telah memberi sokongan penuh untuk menjayakan program ini.

Terima kasih juga pada penaja, SSB Kejuruteraan dan IDZ Cycleworks yang sentiasa memberi sokongan padu membantu pada setiap kejohanan-kejohanan besar seperti SUKUM & SUKiPT kepada atlit-atlit staf dan pelajar dari segi teknikal, penyelenggaraan dan membekal basikal kepada atlit-atlit UTHM serta melengkapi kekurangan yang dihadap-



NETTO 2025

KAMPAR, PERAK | 16 FEBRUARI 2025 | Pasukan Bola Jaring UTHM telah beraksi dalam NETTO 2025, kejohanan anjuran Universiti Teknologi Petronas edisi ke-4 yang berlangsung di Grand Kampar Sport Complex, Perak. Berikut adalah pencapaian pasukan UTHM dalam kejohanan tersebut:

Men's UTHM Black Panthera Team
Tempat Ketiga

Women's UTHM Panthera Team
Tempat Ketiga

Syabas dan tahniah kepada semua pemain atas semangat juang serta usaha yang telah ditampilkan sepanjang kejohanan. Pencapaian ini bukan sahaja membanggakan, tetapi juga menjadi batu loncatan untuk memperkuuhkan lagi pasukan kita pada masa hadapan.




ATLET FUTSAL ALUMNI UTHM SERTAI PASUKAN JDT FUTSAL

UTHM | 25 FEBRUARI 2025 | Alumni UTHM, saudara Alif Mat Amin melakar sejarah menjadi pemain futsal profesional apabila mengikat kontrak untuk pasukan JDT Futsal bagi menghadapi Malaysia Premier Futsal League (MPFL) 2025.

Atlet kelahiran Dungun, Terengganu ini merupakan graduan Ijazah Sarjana Muda Mekanikal dengan kepujian, memulakan karier futsal bersama pasukan Futsal UTHM serta dinobatkan penjaring terbanyak Liga Super Futsal IPT pada 2019. Beliau kemudian meneruskan karier futsal bersama pasukan Pahang Rangers dan Terengganu di MPFL pada 2020 sehingga 2024.

Kejayaan Saudara Alif Mat Amin membuktikan graduan kejuruteraan sepertinya mampu mengimbangi sukan dan akademik sekaligus menjadikan sukan sebagai kerjaya profesional.

Sumber gambar: JDT Futsal



KEM PRA MUSIM PASUKAN FUTSAL ARMADA UTHM

SHAH ALAM | 22-26 FEBRUARI 2025 | Pasukan Futsal Pelajar UTHM telah mengadakan Kem Pra Musim yang berlangsung dari 22 hingga 26 Februari 2025 di Sportizza Shah Alam. Kem ini bertujuan untuk memperkuatkkan aspek teknikal dan taktikal pasukan, serta melaksanakan analisa perlawanan sebagai persiapan menghadapi Liga Premier Futsal IPT 2025.

Dalam kem ini, satu sesi 'test match' bersama pasukan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) turut diadakan bagi menguji kefahaman taktikal para pemain.

Seramai 20 pemain dan 2 jurulatih berpeluang untuk mempelajari kaedah dan sistem permainan yang diterapkan oleh pasukan futsal profesional. Kem ini dikendalikan oleh Instruktur Futsal dari Asian Football Association (AFC), Coach Chiew Chun Yong, dan dibantu oleh Coach Jamhuri Zainudin.



2025 WORLD ROWING INDOOR CHAMPIONSHIPS

UTHM | 22 – 24 FEBRUARI 2025 | Atlet Mendayung UTHM yang juga atlet PST KPT-UTHM, Saudara Ahmad Faiz Zulhairee (PPD), Saudari Nurzarinah Zakaria (FSKTM), dan Saudara Mohd Arif Ashraf (Alumni FKEE) telah mencipta sejarah yang membanggakan dalam 2025 World Rowing Indoor Championships dengan pencapaian luar biasa, menewaskan atlet-atlet dari luar negara. Berikut adalah pencapaian mereka dalam kejohanan tersebut:

2000m Mens Open (M 19 – 20)

- Ahmad Faiz Zulhairee
- Ranking:-
- *4th World (M 19 – 20)*
- *1st Asia & Oceania (M 19 – 20)*



2000m Mens Lightweight (LM 23 – 39)

- Mohd Arif Ashraf - *(Qualified to Semi Final)*
- Ranking:-
- *11th World (LM 23 – 39)*
- *2nd Asia & Oceania (LM 23 – 39)*
- *42nd Worldwide across ALL Age Groups*



2000m Womens Lightweight (LW 23 – 39)

- Nurzarinah Zakaria - *(Qualified to Grand Final)*
- Ranking:-
- *5th World (LW 23 – 39)*
- *1st Asia & Oceania (LW 23 – 39)*
- *19th Worldwide across ALL Age Groups*

Pencapaian ini tidak hanya membanggakan diri mereka sendiri, tetapi juga memberi inspirasi kepada negara dalam dunia sukan mendayung, dengan menunjukkan bahawa atlet Malaysia mampu bersaing di pentas antarabangsa dengan kejayaan yang mengagumkan.

KURSUS MYPORTFOLIO STAF PSKU

SHAH ALAM | 22–26 FEBRUARI 2025 | Pasukan Futsal Pelajar UTHM telah mengadakan Kem Pra Musim yang berlangsung dari 22 hingga 26 Februari 2025 di Sportizza Shah Alam. Kem ini bertujuan untuk memperkuatkkan aspek teknikal dan taktikal pasukan, serta melaksanakan analisa perlawanan sebagai persiapan menghadapi Liga Premier Futsal IPT 2025.

Dalam kem ini, satu sesi 'test match' bersama pasukan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) turut diadakan bagi menguji kefahaman taktikal para pemain.

Seramai 20 pemain dan 2 jurulatih berpeluang untuk mempelajari kaedah dan sistem permainan yang diterapkan oleh pasukan futsal profesional. Kem ini dikendalikan oleh Instruktur Futsal dari Asian Football Association (AFC), Coach Chiew Chun Yong, dan dibantu oleh Coach Jamhuri Zainudin





Diterbitkan oleh :

BAHAGIAN PENGURUSAN STRATEGIK & KORPORAT
PUSAT SUKAN DAN KEBUDAYAAN UNIVERSITI
UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

86400, Parit Raja, Batu Pahat, Johor, Malaysia.

Tel.: 07 - 4537479

Fax: 07 - 4536581

IKUTI MEDIA SOSIAL KAMI:



Pusat Sukan dan Kebudayaan
Universiti – UTHM



@psku_uthm



@psku_uthm



psku.uthm.edu.my

